



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

PENDAFTARAN PIKAS DIPERCEPATKAN UNTUK MENINGKATKAN JUMLAH PEKERJA SEKTOR PEMBUATAN DIVAKSINASI

Pendaftaran Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bagi sektor pembuatan yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan dipercepatkan dengan pelaksanaan pendaftaran secara atas talian di <http://pikas.miti.gov.my>.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YB Datuk Lim Ban Hong berkata PIKAS telah mendapat sambutan yang amat tinggi dan telah membantu menyokong mempercepatkan kadar vaksinasi rakyat Malaysia. “PIKAS memainkan peranan yang amat penting dalam memberi keyakinan kepada pekerja di dalam sektor pembuatan untuk berasa selamat ke tempat kerja. Program ini juga adalah langkah pragmatik untuk meningkatkan semula produktiviti syarikat dalam kita menyesuaikan hidup bersama pandemik ini,” kata beliau.

MITI ingin menyarankan kepada syarikat-syarikat yang menghantar maklumat mereka melalui emel sebelum ini untuk memasukkan maklumat syarikat mereka di sistem atas talian PIKAS supaya maklumat tersebut lengkap bagi tujuan penyelarasan dan pemprosesan.

Setakat 14 Julai 2021, sebanyak 10,522 syarikat yang melibatkan 903,244 orang pekerja di seluruh negara telah mendaftar di dalam PIKAS. Daripada jumlah ini 101,117 telah menerima dos pertama vaksinasi.

Setakat 14 Julai 2021 juga, sebanyak 19 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PIKAS telah memulakan operasi di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu. MITI dengan kerjasama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan Badan



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) sedang melipatgandakan usaha untuk menambah bilangan PPV PIKAS sedia ada bagi meningkatkan pemberian vaksin di kalangan tenaga kerja dalam sektor pembuatan di Malaysia.

Bagi syarikat-syarikat sektor pembuatan yang berminat untuk menyertai PIKAS, sila layari www.miti.gov.my atau hubungi talian hotline PIKAS di 03-62071193, 03-62071194, 03-62071195 atau 03-62071196. Sebarang pertanyaan berkenaan PIKAS juga boleh diemelkan ke pikas.enquiry@miti.gov.my.

PIKAS yang dilancarkan pada 16 Jun 2021 merupakan sebuah kolaborasi strategik seumpamanya di antara pihak awam dan swasta yang berfokus untuk mempercepatkan vaksinasi di kalangan pekerja di dalam sektor pembuatan. Program ini mampu mewujudkan persekitaran pekerjaan yang selamat dan kondusif untuk pekerja di dalam sektor pembuatan. Melalui PIKAS, Kerajaan akan menyediakan vaksin secara percuma manakala pihak swasta akan membiayai dan menguruskan PPV, sekaligus mengurangkan kos pentadbiran pemberian vaksin yang perlu ditanggung Kerajaan.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

15 JULAI 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my